

**TANGGAPAN PELAJAR UiTM SARAWAK, KAMPUS  
SAMARAHAN TERHADAP ETIKA SAHSIAH RUPADIRI**

**OLEH:**

<b>AIDA BT MONTONG</b>	<b>(98048475)</b>
<b>SITI KHADIJAH JUSOH</b>	<b>(98050253)</b>
<b>MOHD YUZRI MD YUNUS</b>	<b>(98049233)</b>
<b>WAN SALMI WAN BADDUWI</b>	<b>(98050438)</b>
<b>ZAMRI DUREN</b>	<b>(98050557)</b>

**Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan undang-undang  
bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk mendapatkan  
Diploma Pentadbiran Awam**

**PROGRAM DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK**

**DISEMBER 2001**

<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
SURAT PENYERAHAN	i
PERAKUAN	ii
PEGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
<b>BAB 1 PENGENALAN KAJIAN</b>	
1.0 Latar belakang kajian	1
1.1 Penyata masalah	2
1.2 Objektif kajian	3
1.3 Skop kajian	4
1.4 Hipotesis kajian	5
1.5 Andaian kajian	6
1.6 Kepentingan kajian	6
1.7 Methodologi kajian	7
1.8 Batasan kajian	8
1.9 Kosentren kajian	9
1.10 Susunan bab	11
<b>BAB 2 TINJAUAN LITERATURE</b>	
2.0 Pengenalan	12
2.1 Definisi	12
2.2 Hasil pengkajian hipotesis	17

## ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai tanggapan para pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) terhadap etika sahsiah rupadiri dimana kajian kesnya bertempat di UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan. Ia dilihat dalam konteks untuk mengenalpasti tanggapan para pelajar disamping mengkaji sambutan dan mendapatkan cadangan untuk diajukan kepada pihak pengurusan mengenai langkah-langkah yang perlu dititikberatkan serta sesuai dan boleh diterima oleh golongan pelajar untuk mempraktikkan etika sahsiah rupadiri. Sampel kajian kami terdiri daripada 100 orang responden yang dipilih melalui kaedah pemerhatian, temuduga dan pengedaran borang soalselidik. Ujian untuk penganalisaan data adalah menggunakan program *Statistical Package for Social Science 7.5 for window ( SPSS )*. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa a) Pelajar yang sering melanggar peraturan universiti adalah diantara golongan yang banyak menolak etika sahsiah rupadiri. b) Pelajar yang kurang memahami kebaikan-kebaikan yang terdapat dalam etika sahsiah rupadiri sering mempertikaikan keberkesanan etika ini dan c) Pelajar yang terpengaruh dengan peraturan –peraturan dan gaya hidup pelajar-pelajar dari universiti lain lebih cenderung memprotes kerana mereka inginkan kebebasan dan mengikut perkembangan terkini. Kesimpulannya, masalah untuk mengaplikasikan etika sahsiah rupadiri yang di praktikkan di Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak Kampus Samarahan (UiTMC SKS) adalah disebabkan oleh faktor-faktor dalaman dan luaran yang menjadi penentu kepada pemahaman mereka kepada konsep ini. Kuasa penentu ini merupakan jentera yang berfungsi untuk memastikan samaada para pelajar menerima dan seterusnya mengaplikasikannya ataupun sebaliknya.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Undang- undang Malaysia telah menetapkan Akta 174 sebagai Akta Institusi- Institusi Pelajaran (Tatatertib) pada tahun 1976. Ia merupakan suatu Akta yang memperuntukkan perkara- perkara yang berkaitan dengan tatatertib dalam institusi – institusi pelajaran, dan mengenai perkara- perkara yang berkaitan dengannya.

Universiti Teknologi Mara ( UiTM ) di Malaysia telah menetapkan sahsiah rupadiri bagi mahasiswa dan mahasiswi yang dapat menonjolkan status seorang pelajar yang mempunyai disiplin dan etika sebagai seorang pelajar. Sahsiah rupa diri yang baik dapat membentuk seorang pelajar yang bermotivasi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh tekun dan berdisiplin demi masa depan , agama, keluarga, bangsa dan negara.

Pembinaan sahsiah yang baik adalah sangat penting dan dikira sebagai satu ujian yang mustahak di dalam pendidikan. Sahsiah dapat digambarkan melalui corak pergaulan, pakaian dan rupa diri. UiTM sentiasa berbangga dengan pelajar-pelajar yang tinggi sahsiah dan mulia peribadinya , yang bukan sahaja berjaya di bidang pelajaran bahkan sentiasa menjaga harga diri dan peribadinya. Ini termasuklah menjaga kelakuan yang baik, pergaulan yang sihat, pakaian yang bersih dan kemas serta rupadiri yang sempurna. Pakaian yang baik bukan sahaja untuk keselesaan diri sendiri tetapi juga menjaga keselesaan dan ketenteraman orang lain.

Di UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan,(UiTMKS) juga menekankan tentang etika sahsiah rupadiri yang seharusnya ada pada seorang pelajar. Pihak UiTM telah menekankan perkara tersebut dan dimestikan bagi seseorang pelajar untuk mematuhi dan seluruh pelajar UiTM hendaklah melibatkan diri secara langsung untuk menjaga nama baik UiTM itu sendiri.

Terdapat sebilangan pelajar yang tersalah anggap tentang arahan tersebut sama ia membina atau sebagai satu tekanan dan paksaan terhadap mereka. Walaupun sahsiah rupa diri seorang pelajar telah diwartakan, namun masih ada lagi para pelajar yang tidak mahu mematuhi sahsiah rupa diri tersebut. Persoalannya “Adakah etika sahsiah rupa diri yang telah disediakan oleh pihak UiTM menjadi beban dan satu paksaan atau satu arahan yang membina mereka ke arah kesempurnaan?”

### **1.1 PENYATA MASALAH**

Di dalam penyata masalah ini, kami cuba mencari sebab dan faktor-faktor tentang tanggapan pelajar seperti penerimaan dan penolakan pelajar dari sudut fizikal dan psikologi.

Fokus utama masalah yang kami kaji ialah mengapa etika sahsiah rupa diri ini sukar diterima oleh sesetengah pelajar meskipun tujuan ia diperkenalkan secara tidak langsung adalah untuk kebaikan golongan pelajar tersebut.